

# Memahami kepentingan ekologi

WITUSAN MALAYSIA

2/11/2016 p. 20

**R**AMAI daripada kita tidak begitu memahami apakah maksud ekologi dan kepentingannya. Kebanyakan kita hanya biasa mendengar mengenai alam sekitar dan isu di sebaliknya kerana ia berkaitan rapat dengan kehidupan seharian.

Isu mengenai ekologi juga penting untuk diketahui meskipun supaya kita sedar akan kepentingannya.

Justeru Persatuan Ekologi Malaysia (PEM) mengambil inisiatif menganjurkan Seminar

Ekologi Malaysia (SEM) 2016 pada 8 November ini di Putrajaya khususnya untuk menjadi platform pertemuan antara pegawai penyelidik dan pelajar bagi mencari hubungalin dan dapatan hasil penyelidikan yang dijalankan selama ini.

Presiden persatuan tersebut, **Prof. Dr. Ahmad Ismail** berkata, secara mudahnya ekologi bermaksud kajian atau ilmu mengenai habitat atau tempat tinggal.

“Kita selalu menghadapi masalah alam sekitar seperti pencemaran, banjir, tanah runtuh, isu biodiversiti yang antara lain yang disebabkan oleh kurangnya maklumat dan kepakaran.



**DR. AHMAD ISMAIL**

“Selaras dengan dasar biodiversiti negara, Persatuan Ekologi Malaysia boleh berfungsi dengan efektif bagi menjayakan polisi kerajaan itu,” ujarnya.

Justeru, PEM ditubuhkan bagi

membantu memberi kefahaman mengenai isu ekologi kepada orang ramai.

Kata beliau, pihaknya melihat isu utama yang perlu diberikan penekanan melibatkan dua fokus utama iaitu pendidikan dan penyelidikan.

Penyelidikan katanya, akan memberikan data atau maklumat tentang ekologi manakala program pendidikan memberikan pengetahuan dan kesedaran dalam perkara berkaitan ekosistem, ekologi dan biodiversiti.

Sementara itu, SEM 2016 akan memfokuskan kepada bidang biodiversiti negara dengan kertas kerja utama akan dibentangkan oleh pakar dan aktivis biodiversiti tempatan manakala peserta terdiri daripada pelajar universiti dan penyelidik muda dalam bidang berkenaan.

Dalam masa sama beliau mencadangkan supaya modul khas pengajaran ekologi perlu digubal bagi memastikan pendidikan ekologi yang berkesan dapat diterapkan dalam kalangan pelajar sebagai pewaris

generasi akan datang.

Ahmad yang juga pensyarah di Jabatan Biologi, Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia (UPM) menambah, apabila bercakap mengenai minat pelajar dalam bidang sains dan pemikiran aras tinggi, kursus ekologi, kem ekologi dan pemahaman tentang ekologi boleh menyumbang ke arah itu.

“Justeru guru perlu mempunyai modul yang efektif untuk membantu proses pembelajaran dan pengajaran berkesan,” ujarnya.